
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HTV201 – TEKNIK BERFIKIR

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Tuliskan **NAMA TUTOR DAN PUSAT PENGAJIAN ANDA** di sudut atas bahagian kanan kulit buku jawapan anda. Anda tidak dibenarkan untuk menulis nama dan nombor matrik anda pada kertas jawapan.
2. Kertas ini mengandungi tiga bahagian. Jawab SATU soalan dari bahagian A, SATU soalan dari bahagian B dan SATU soalan dari bahagian C. Sumbangan markah setiap soalan di Bahagian A, B dan C ialah 40 markah, 40 markah dan 20 markah masing-masing.
3. Setiap jawapan tidak boleh melebihi 3 halaman.

...2/-

Bahagian A

1. Masalah meniru ataupun cuba meniru semasa peperiksaan dijalankan masih terjadi walaupun hukuman yang diberi kepada sesiapa yang didapati melakukan perkara ini adalah agak berat. Sebagai langkah untuk mengawal masalah ini daripada berlanjutan, anda telah dilantik untuk memantau situasi ini dan mencadangkan beberapa idea baru untuk mengurangkan masalah ini dengan lebih efektif.
 - [a] Dengan menggunakan 'kacang putih' sebagai perkataan penyertaan rawak, janakan lima idea kreatif bagi menangani masalah tersebut.

[10 markah]
 - [b] Nilaikan idea anda dan rumuskan perbincangan anda dengan menggunakan:
 - [i] gaya berfikir Konstruktif [10 markah]
 - [ii] Topi berfikir Hitam [10 markah]
 - [iii] Topi berfikir Biru [10 markah]

2. Kadar pengangguran dalam kalangan siswazah dikatakan semakin meningkat setiap tahun dan sekarang merupakan masalah yang agak serius untuk negara. Untuk menangani masalah ini, para siswazah digalakkan supaya menjadi lebih kreatif dalam memikirkan mempelbagaikan kebolehan mereka sebagai memenuhi kehendak pasaran pekerjaan.
 - [a] Dengan menggunakan peta minda, janakan beberapa idea kreatif yang boleh digunakan oleh para graduan untuk mempelbagaikan kebolehan mereka.
 - [b] Nilaikan cadangan yang telah dijanakan dengan menggunakan alat berfikir PMI dan C&S supaya satu idea yang terbaik dapat dipilih.

[40 markah]

Bahagian B

3. Perdana Menteri pernah meyuarkan rasa kluatir tentang pengabaian aspek kesihatan oleh rakyat yang makan berlebihan. Jika perkara ini tidak dikawal, bilangan rakyat yang mengalami pelbagai jenis penyakit, termasuk penyakit kronik akan bertambah. Sekiranya ini terjadi, ia akan secara tidak langsung akan menjejaskan mutu kerja dan produktiviti negara.

Dengan menggunakan teknik berfikir yang sesuai, cadang dan nilaikan beberapa langkah dan perubahan baru yang boleh diambil oleh negara untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyatnya.

[40 markah]

4. Salah satu etika perubatan dalam pendermaan organ yang dipraktikkan oleh Kementerian Kesihatan dan hangat diperbincangkan, menghalang penderma daripada menderma organ kepada pihak ketiga, kecuali kepada anak atau mereka yang mempunyai pertalian darah sahaja walaupun organ tersebut boleh dipindahkan kepada penerima yang telah tersenarai dalam senarai kritikal. Tujuan etika perubatan ini dilaksanakan ialah untuk mengelak penyalahgunaan organ yang telah diderma. Ketegasan Kementerian Kesihatan dalam hal ini dikatakan berkemungkinan telah menyumbang kepada kematian seorang pesakit bengkak hati, iaitu Nur Atiqah Najwa Mohd Shariff, walaupun beliau telah disenaraikan sebagai pesakit keadaan kritikal.

[a] Dengan menggunakan Enam Topi Berfikir, bincangkan samada wajar pihak kementerian kesihatan menetapkan syarat tersebut.

[b] Beri cadangan cara penyalahgunaan boleh dielakkan tanpa menghalang pendermaan organ kepada pihak ketiga.

[40 markah]

5. Dengan menggunakan pemikiran kreatif secara analisis dan desain, cadangkan beberapa langkah yang sesuai diambil untuk meletakkan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancungan utama di Asia Tenggara.

[40 markah]

...4/-